

# Inisiatif bantu rakyat kurang berkemampuan

Saya sebagai rakyat Malaysia mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kita kerana banyak inisiatif diwujudkan untuk membantu rakyat.

Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dapat membantu kita yang berpendapatan rendah membeli barang keperluan dengan harga murah.

Selain itu, ia juga dapat membantu pelajar menguruskan kewangan membeli barang keperluan walaupun kerajaan telah menyediakan banyak bantuan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) dan banyak lagi.

Tambahan pula, KR1M menjual barangan yang dibungkus semula dalam kuantiti yang lebih kecil dan sedikit bagi membolehkan pengguna yang berpendapatan rendah membeli barang berdasarkan pada kemampuan dan keperluan mereka.

## Barangan dijual disahkan halal

Kita sebagai umat Islam tidak perlu ragu-ragu membeli barang di KR1M kerana semua barangan dijual disahkan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Selain itu, KR1M membantu usahawan + perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkatkan hasil jualan produk keluaran mereka dan membantu bersaing di pasaran runcit yang moden.

**Muthi'ah Muhamad Kamel**  
Universiti Sains Islam Malaysia